



# JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA KEMENTERIAN KEWANGAN



## KENYATAAN TAWARAN TENDER

1. Tender ini adalah dipelawa kepada petender-petender yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam bidang yang berkenaan bagi menyertai tender-tender berikut:-

NO. TENDER	TAJUK	JENIS TENDER	TARIKH DAN MASA TAKLIMAT	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH DAN MASA TENDER DITUTUP
ANM 4/2012	Penyenggaraan Dan Perkhidmatan Sokongan Bagi <i>Local Area Network (LAN)</i> yang Meliputi Peralatan Rangkaian dan Keselamatan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)	Secara ePerolehan	<b>Tarikh</b> :12 Julai 2012 (Khamis) <b>Masa</b> :3.00 petang  Kehadiran ke sesi taklimat adalah <b>DIWAJIBKAN</b> .	210101, 210102, 210103 dan 210105	6 Ogos 2012 (Isnin)  Jam 12.00 tengahari  Tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan

2. Petender adalah tertakluk kepada syarat dan terma yang ditetapkan. Petender yang menyertai tender tetapi didapati tidak mematuhi **semua** syarat dan terma yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak JANM juga tidak terikat untuk menerima tawaran tender yang terendah atau sebarang tender.
3. Petender yang berminat untuk menyertai tender adalah **diwajibkan** menghadiri sesi Taklimat Tender pada **12 Julai 2012 (Khamis) jam 3.00 petang** bertempat di **Dewan Serbaguna Aras 7, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Kompleks Kementerian Kewangan, No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2, 62594 Putrajaya**. Setiap Syarikat hanya dibenarkan diwakili oleh dua (2) orang sahaja. Tawaran petender yang **gagal** menghadiri taklimat tender **tidak akan dipertimbangkan**.
4. Petender yang ingin menyertai tender ini hendaklah mendapatkan nombor rujukan yang dijana oleh Sistem ePerolehan (eP) secara percuma **semasa waktu pejabat** di **Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan, Unit Kewangan, Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan, No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2, 62594 Putrajaya**. Nombor rujukan ini boleh didapati selepas taklimat tender iaitu dari **12 Julai 2012** hingga **6 Ogos 2012** dengan menunjukkan **Sijil Asal Pendaftaran Dengan Kementerian Kewangan** dalam bidang seperti di atas yang masih sah dan menyerahkan satu salinan sijil berkenaan untuk simpanan Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
5. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan secara atas talian melalui sistem eP serta dihantar secara manual dengan memasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti **tarikh dan masa** yang telah ditetapkan ke alamat seperti berikut:

Akauntan Negara Malaysia  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,  
Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan,  
Unit Kewangan, Aras 7,  
Kompleks Kementerian Kewangan,  
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2,  
62594 Putrajaya.

6. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Jabatan ini di talian **03-8882 1032/1072**.
7. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my) dan web [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my).